




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4(17)
Tarikh : **24** Ogos 2023

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB. Dato'/ YBhg. Dato' Seri/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS PENGHARGAAN (BKP) PENJAWAT AWAM TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Pentadbiran Negeri Pulau Pinang telah bersetuju supaya pemberian Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM300.00 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan kontrak melalui surat edaran JPA rujukan JPA.800-3/2/4 (33) bertarikh 1 Ogos 2023 dipanjangkan kepada penjawat-penjawat awam di bawah pentadbiran Negeri Pulau Pinang. **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2023**, PSUKPP/01/0755/6 (18) bertarikh 24 Ogos 2023 hendaklah dirujuk.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran Bantuan Khas Penghargaan ini seperti berikut:

a) Pembayaran melalui sistem berkomputer

- i) Cetak Laporan G004 - Senarai Edit Pembayaran Bonus;
- ii) Semak dan kenalpasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2023**;
- iii) Kemas kini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS;

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (17)
Tarikh : Ogos 2023

- iv) Laporan G004 yang telah dikemas kini hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan dengan ayat seperti berikut: dan

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya”

.....
(Tandatangan & Cop Jabatan)

- v) Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) di atas dilaksanakan mulai **24 Ogos 2023** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) selewat-lewatnya pada **25 Ogos 2023 sebelum jam 12.15 tengah hari.**

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dan lampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan seseorang Pegawai (Kew. 8) sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKP ini adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan
B0229306	Bantuan Khas Kewangan - Kontrak

4. Bantuan Khas Penghargaan ini akan dibayar pada **04 September 2023 (Isnin)** dan menjadi tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

5. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran BKP ini dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2023**. Penyata Kew. 8 (manual) hendaklah disediakan dan bayaran Bantuan Khas Penghargaan ini hendaklah direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai.


Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (17)
Tarikh : Ogos 2023

6. Kerjasama pihak **YB. Dato' / YBhg. Dato' Seri / YBhg. Dato' / Dr / Ir / Tuan / Puan** dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang



: 604-6505185



: masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkp/ogos23